

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)

Skim Tabungan Anak Damit

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Skim Tabungan Anak Damit?
 - Skim Tabungan Anak Damit ini merupakan pemberian kewangan melalui pembukaan akaun anak damit yang baru lahir yang dikenali sebagai Akaun Si Manja Khas di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Sebanyak B\$240.00 akan dikreditkan sekali sahaja ke dalam akaun tersebut bagi setiap kelahiran.
2. Apakah objektif Skim Tabungan Anak Damit ini?
 - Objektif utama Skim Tabungan Anak Damit ini ialah untuk memupuk budaya menabung dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.
3. Bilakah Skim Tabungan Anak Damit ini dikuatkuasakan?
 - Skim Tabungan Anak Damit ini bermula 1hb., Mac, 2026.
4. Siapakah yang layak menerima Skim Tabungan Anak Damit ini?
 - Kelayakan bagi pemberian kewangan untuk Skim Tabungan Anak Damit ini bergantung kepada status kerakyatan anak damit tersebut semasa ia dilahirkan.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan anak damit yang dilahirkan di dalam dan di luar di Negara Brunei Darussalam yang berstatus rakyat Negara Brunei Darussalam atau *Stateless*?
 - Sila rujuk jadual (a) di bawah bagi kelayakan anak damit yang dilahirkan di dalam dan luar Negara Brunei Darussalam.
6. Adakah pemberian kewangan dihadkan kepada jumlah anak sebagai contoh anak kembar?
 - Tiada had bagi jumlah anak yang dilahirkan. Skim Tabungan Anak Damit dihulurkan kepada setiap anak damit yang lahir yang memenuhi kriteria Skim Tabungan Anak Damit.
7. Adakah anak damit masih layak dihulurkan pemberian Skim Tabungan Anak Damit jika meninggal dunia selepas dilahirkan?
 - Anak damit yang meninggal dunia selepas dilahirkan akan dihulurkan pemberian Skim Tabungan Anak Damit sebanyak \$240.00 jika anak damit berkenaan telah didaftarkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan memenuhi kriteria pemberian Skim Tabungan Anak Damit.
8. Adakah anak damit berhak diberikan Skim Tabungan Anak Damit jika ia diangkat selepas kelahiran (sebagai contoh ibu meninggal dunia)?
 - Anak damit berkenaan akan dihulurkan pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit sekali sahaja tanpa mengira ianya didaftarkan di JIPK oleh ibu bapa asal atau ibu bapa angkat atau penjaga sah (*legal guardian*). Pemberian Skim ini adalah tertakluk kepada syarat utama iaitu sama ada anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam tersebut berstatus rakyat Negara Brunei Darussalam atau *stateless*.
9. Berapakah had umur anak bagi memohon pemberian kewangan ini?
 - Ibu bapa adalah dibolehkan untuk membuat permohonan Skim Tabungan Anak Damit sehingga anak damit berkenaan berumur 1 tahun.

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

10. Adakah anak warga Negara Brunei Darussalam yang dilahirkan di luar negara layak menerima Skim Tabungan Anak Damit?
- Kelayakan pemberian Skim Tabungan Anak Damit bergantung kepada status kerakyatan anak damit semasa dilahirkan. Mana-mana anak damit yang berstatus rakyat Brunei Darussalam sama ada ianya dilahirkan di dalam atau di luar negara adalah layak untuk diberikan Skim Tabungan Anak Damit ini dengan syarat ianya dipohonkan dalam tempoh satu tahun dari tarikh anak damit berkenaan dilahirkan.
11. Adakah anak luar nikah layak menerima Skim Tabungan Anak Damit?
- Sila rujuk jadual (a) di bawah bagi kelayakan anak luar nikah.
12. Adakah anak laqiith layak menerima pemberian kewangan?
- Sila rujuk jadual (a) di bawah bagi kelayakan anak laqiith.
13. Jika anak damit dilahirkan sebelum tarikh Skim Tabungan Anak Damit dikuatkuasakan iaitu pada 1hb., Mac, 2026, adakah ia masih layak diberikan pemberian kewangan ini, sebagai contoh anak damit yang dilahirkan pada 28 Februari 2026 pukul 11:59:59 malam?
- Anak damit yang dilahirkan sebelum 1hb., Mac, 2026 akan kekal dihulurkan Skim Bantuan Pemberian Lampin Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan sehingga tamat tempoh penerimaannya.
14. Adakah anak damit yang dihulurkan Skim Bantuan Pemberian Lampin Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan dapat memohon untuk menukar bagi mendapatkan Skim Tabungan Anak Damit?
- Skim Bantuan Pemberian Lampin Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan adalah berlainan daripada Skim Tabungan Anak Damit dan ianya tidak boleh ditukar ganti.
15. Bagaimanakah pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit ini dihulurkan?
- Pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit ini dihulurkan melalui pembukaan akaun anak damit, yang dikenali sebagai akaun Si Manja Khas di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Sebanyak \$240.00 akan dikreditkan sekali sahaja ke dalam akaun tersebut iaitu semasa anak berkenaan dilahirkan.
16. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan bagi membuka Akaun Si Manja Khas?
- Dokumen-dokumen yang diperlukan antaranya, adalah:
 - i. Sijil Kelahiran Asal (*Original Birth Certificate*)
 - ii. Kad Pengenalan Asal Ibu Bapa atau Penjaga (*Original Identity Document of parent(s) or guardian(s)*)
 - iii. *Proof of employment* (jika berkenaan)
 - iv. Salinan Asal Pengakuan anak angkat yang dikeluarkan oleh JIPK (bagi anak angkat atau anak laqiith).

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

17. Adakah ibu bapa atau penjaga diperlukan untuk mengeluarkan wang bagi membuka Akaun Si Manja?
- Tidak perlu.
18. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan borang untuk memohon pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit ini?
- Ibu bapa atau penjaga (*legal guardian*) bolehlah mendapatkan borang pembukaan Akaun Si Manja Khas dari kaunter-kaunter TAIB yang berdekatan di ke empat-empat daerah atau melalui laman sesawang TAIB di <https://www.taib.com.bn/>.
19. Siapakah yang dibenarkan untuk menghadapkan permohonan Skim Tabungan Anak Damit ini ke TAIB?
- Permohonan Skim Tabungan Anak Damit boleh dihadapkan oleh ibu bapa atau ibu bapa angkat atau penjaga (*legal guardian*) selaku pemegang amanah akaun (*trustee of the account*).
20. Adakah anak damit diperlukan untuk dibawa semasa pembukaan akaun?
- Tidak perlu.
21. Adakah ibu bapa atau penjaga sebagai *legal guardian* atau pemegang amanah akaun (*trustee of the account*) diperlukan untuk membuka akaun di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei?
- Tidak perlu.
22. Adakah akaun dibukakan atas nama anak damit sahaja atau atas nama bersama ibu atau bapa atau kedua-dua ibu bapanya sekali?
- Akaun Si Manja Khas merupakan trustee account yang mengandungi dua nama iaitu nama anak damit sebagai pemegang akaun dan nama ibu atau bapa atau penjaga atau legal guardian (dimana berkenaan) sebagai pemegang amanah kepada akaun tersebut.
23. Jika anak damit adalah di bawah Penjaga oleh kerana ketiadaan ibu dan bapanya, adakah akaun dibukakan atas nama anak damit bersama Penjaga? Adakah terdapat had tempoh bagi memohon Skim Tabungan Anak Damit ini bagi anak berkenaan?
- Akaun Si Manja akan dibuka atas nama anak damit dan Penjaga dan permohonan pembukaan akaun adalah terhad sehingga anak damit berkenaan mencapai umur 1 tahun.
24. Adakah sebarang pengesahan status kerakyatan diperlukan dari JIPK sebelum menghadapkan permohonan Skim Tabungan Anak Damit ke TAIB?
- Tidak ada pengesahan diperlukan dari JIPK kecuali bagi anak damit yang dikategorikan kes khas sahaja seperti kelahiran kurang dari 180 hari, kelahiran tidak diperolehi dan anak laqiith, maka ibu bapa atau penjaga anak damit berkenaan hendaklah memastikan Sijil Kelahiran yang dikeluarkan oleh JIPK dibubuh cop yang menyatakan status anak damit berkenaan (sama ada *stateless* atau asing).

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

25. Di manakah tempat untuk menghadapkan borang permohonan pemberian kewangan?
- Borang permohonan pembukaan akaun Si Manja Khas yang telah siap diisi bolehlah dihadapkan ke kaunter-kaunter TAIB yang berdekatan di cawangan yang berdekatan atau melalui laman sesawang TAIB.
26. Berapa lamakah tempoh proses bagi mendapatkan pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit ini?
- Tempoh proses mendapatkan pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit ini ialah satu minggu atau tujuh (7) hari waktu bekerja.
27. Adakah sebarang pembayaran dikenakan semasa menghadapkan permohonan pemberian kewangan Skim Tabungan Anak Damit?
- Tidak perlu.
28. Adakah kewangan sebanyak \$240.00 yang diberikan di dalam Akaun Si Manja dapat dikeluarkan sekali gus sebaik saja ianya diluluskan?
- Pengeluaran wang simpanan ini bolehlah dibuat untuk membeli keperluan asasi anak mereka (seperti lampin, susu dan sebagainya), walau bagaimanapun, baki minima sebanyak \$20.00 perlu dikekalkan dalam akaun tersebut bagi memastikan akaun sentiasa aktif dan terus berfungsi sebagai insentif menabung.
29. Bolehkah permohonan dihadapkan sebelum anak dilahirkan?
- Tidak boleh mengambilkira antara dokumen yang diperlukan bagi membuka Akaun Si Manja adalah sijil kelahiran asal.
30. Adakah dibolehkan pemberian kewangan dihulurkan tanpa membuka akaun bank dan menerima secara tunai?
- Tidak boleh.
31. Adakah pemberian kewangan boleh ditarik balik dan pembayaran balik dikenakan jika Skim ini telah diluluskan?
- Pemberian Skim Tabungan Anak Damit ini boleh ditarik balik jika didapati Ibu atau bapa atau penjaga yang telah mengemukakan sebarang dokumen palsu atau dokumen yang mengelirukan. Ibu bapa atau penjaga boleh didenda dan penjara di bawah peruntukan Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.
32. Bagaimanakah ibu bapa atau penjaga mengetahui permohonan Skim Tabungan Anak Damit ini telah diluluskan?
- Ibu bapa atau penjaga boleh memeriksa akaun Si Manja anak damit yang telah dibukakan oleh pihak TAIB. Sejumlah B\$240.00 akan dikreditkan ke dalam setiap akaun Si Manja Khas anak damit yang telah diluluskan.

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

33. Bagi soalan 32, adakah ibu bapa atau penjaga perlu ke bank untuk mengetahuinya? Atau adakah boleh didapati secara *online*?
- Ibu bapa atau penjaga adalah digalakkan untuk memeriksa sama ada jumlah B\$240.00 tersebut telah dimasukkan ke dalam Akaun Si Manja anak damit masing-masing secara *online*.
34. Adakah ibu bapa atau penjaga boleh membuat simpanan tambahan ke akaun anak damit ini?
- Ibu bapa atau Penjaga adalah digalakkan untuk membuat simpanan tambahan bagi kepentingan masa hadapan anak-anak mereka.
35. Apakah platform yang disediakan bagi ibu bapa atau Penjaga yang mempunyai pertanyaan atau memerlukan pencerahan lanjut mengenai Skim Tabungan Anak Damit ini?
- Ibu bapa atau Penjaga bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan melalui talian +673 7419444 atau email kepada ppp@treasury.gov.bn; atau menghubungi Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) melalui talian 2220299.

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

Jadual (a):

Kriteria-kriteria anak damit yang berhak adalah anak damit semasa ianya dilahirkan:

- 1.1 Memegang kewarganegaraan Brunei Darussalam;
- 1.2 Penduduk tetap yang tidak mempunyai kewarganegaraan lain (*stateless*); dan
- 1.3 Kewarganegaraan ibu adalah rakyat Brunei atau memegang kad pengenalan ungu (*stateless*).

BAGI KELAHIRAN BIASA			
BAPA	IBU	ANAK SEMASA LAHIR	KELAYAKAN
KUNING	KUNING	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (STATELESS)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (WNA)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	HIJAU	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
UNGU (STATELESS)	KUNING	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (STATELESS)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (WNA)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	HIJAU	STATELESS	LAYAK
UNGU (WNA)	KUNING	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (STATELESS)	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
UNGU (WNA)	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
HIJAU	KUNING	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
HIJAU	UNGU (STATELESS)	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
HIJAU	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
HIJAU	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK

Layak diberikan kerana ibu berstatus warganegara Brunei atau *stateless

- Kuning – Warganegara Brunei
- Ungu (Stateless) – (Penduduk Tetap Brunei (Stateless))
- Ungu (WNA) – Penduduk Tetap Brunei (Warganegara Asing)
- Hijau – Warganegara Asing

Soalan-Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQs)
Skim Tabungan Anak Damit

KATEGORI ANAK LAHIR DI LUAR PERNIKAHAN			
BAPA	IBU	ANAK SEMASA LAHIR	KELAYAKAN
ANAK LAQIITH – (TIDAK DIKETAHUI IBU AYAH)			
RUANG KOSONG AYAH	RUANG IBU KOSONG	STATELESS	LAYAK
ANAK KATEGORI TIDAK DIPEROLEHI (ANAK LAHIR SEBELUM PERNIKAHAN)			
RUANG KOSONG AYAH	KUNING	STATELESS	LAYAK
RUANG KOSONG AYAH	UNGU (STATELESS)	STATELESS	LAYAK
RUANG KOSONG AYAH	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
RUANG KOSONG AYAH	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
ANAK KURANG 180 HARI (IBU BAPA BERNIKAH SEBELUM ANAK LAHIR <u>AKAN TETAPI</u> KURANG 180 HARI DARI TARIKH NIKAH)			
RUANG KOSONG AYAH	KUNING	JIKA SUAMI NYA ADALAH WARGANEGARA BRUNEI, MAKA ANAK TERSEBUT BOLEH DITUNTUT MENJADI WARGANEGARA BRUNEI	- LAYAK JIKA AYAH KUNING ATAU AYAH UNGU (STATELESS) - LAYAK JIKA IBU KUNING ATAU UNGU (STATELESS)
RUANG KOSONG AYAH	UNGU (STATELESS)		
RUANG KOSONG AYAH	UNGU (WNA)		
RUANG KOSONG AYAH	HIJAU		

- Kuning – Warganegara Brunei
- Ungu (Stateless) – (Penduduk Tetap Brunei (Stateless)
- Ungu (WNA) – Penduduk Tetap Brunei (Warganegara Asing)
- Hijau – Warganegara Asing

- TAMAT -